

SOALAN NO : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha kementerian dalam meneutralkan elemen stigma negatif terhadap warga yang mengalami gangguan fungsi mental dan gangguan jiwa atau *mental disorder*. Memandangkan masalah ini semakin meruncing ramai pesakit tidak mahu menerima rawatan atau hakikat mengenai penyakit mereka itu.

Tuan Yang Dipertua,

Lazimnya masyarakat menganggap penyakit mental sebagai sesuatu yang memalukan dan menjatuhkan maruah. Ini terjadi kerana pelbagai faktor antaranya kurang pendedahan dan pengetahuan mengenai penyakit mental, sikap masyarakat yang tidak ambil peduli

serta tiada kemahiran dalam memberi bantuan awal kepada individu yang mempunyai tanda-tanda penyakit mental.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah-langkah mempertingkatkan kesedaran mengenai penyakit mental yang berlaku dalam masyarakat kini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM adalah:

(a) Pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah kempen kesedaran kemurungan melalui kerjasama dengan Malaysia Psychiatric Association dan melalui kempen-kempen kesedaran melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia bagi Tahun 2016, bertemakan "***Psychological and Mental Health First Aid For All***, dan tema tersebut telah diadaptasikan dan di Malaysia tema bagi Sambutan Hari Kesihatan Mental peringkat kebangsaan tahun 2016 adalah *Psychological First Aid (PFA): Bantu Segera, Kurangkan Derita*;

(b) Promosi kesihatan mental turut dilaksanakan melalui maklumat-maklumat yang disalurkan melalui media cetak dan media elektronik. Bermula 2006, KKM juga mewujudkan satu laman web portal MyHealth yang memuatkan maklumat jitu dan tepat tentang topik-topik kesihatan mental termasuk stigma dan salah faham tentang penyakit mental. Maklumat ini boleh didapati dengan melayari laman sesawang kementerian www.myhealth.gov.my;

(c) Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, KKM juga telah mewujudkan perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan yang dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan serta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat;

d) Bagi mempertingkatkan kesedaran tentang penyakit mental serta menangani masalah berkaitan stigma terhadap penyakit mental, KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan Program Minda Sihat dalam kalangan murid sekolah di 2,343 buah sekolah menengah seluruh negara. Selain itu, Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stress di Tempat Kerja bagi memberi pengetahuan dan pendedahan tentang penyakit mental untuk mengelakkan salah faham mengenai penyakit tersebut. Selain itu, program ini akan memberi kemahiran menangani stres bagi warga kerja; dan

(e) Satu Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental telah ditubuhkan sejak tahun 2011 bagi merancang dan menentukan halatuju Program Promosi Kesihatan Mental selari dengan polisi atau dasar yang telah ditetapkan serta memastikan program dilaksanakan dengan jayanya dengan peningkatan tahap kesihatan mental di kalangan masyarakat. Majlis ini dianggotai oleh pakar

psikiatri, pakar kesihatan awam dan pertubuhan NGO berkaitan Kesihatan Mental.

Tuan yang Dipertua,

Stigma terhadap kesihatan mental dan penyakit mental masih menebal dikalangan masyarakat. Saya ingin menyeru dan menggesa komuniti dan ahli keluarga serta penjaga individu yang mengalami masalah kesihatan mental atau gangguan mental untuk sama-sama memainkan peranan bagi memastikan individu tersebut dibawa ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan penilaian lanjut. Ahli keluarga perlu lebih prihatin, mengambil tahu dan memberi sokongan kepada ahli keluarga yang lain yang didapati mengalami tanda-tanda awal permasalahan mental. Masyarakat juga perlu lebih peka untuk menghulurkan bantuan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang didapati menunjukkan tanda-tanda awal masalah emosi atau kemurungan.

SOALAN NO.18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Nga Kor Ming**
[Taiping]

TARIKH : **3 November 2016 (Khamis)**

SOALAN : **18**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan dan perancangan segera yang akan diambil untuk mengatasi masalah penculikan yang sering berlaku di perairan negeri Sabah oleh puak penganas DAN apakah sudah terjadi dengan ESSCOM yang telah menelan ratusan juta dana awam tetapi gagal mengawal keselamatan negeri Sabah.

JAWAPAN : YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENETERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan dan perancangan segera yang diambil oleh ESSCOM untuk mengatasi masalah penculikan yang sering berlaku di perairan negeri Sabah oleh penjenayah rentas sempadan antaranya lain ialah:

- i. memperkukuhkan penempatan Pasukan Keselamatan di daratan sepanjang ESS Zone khususnya di kawasan / laluan berisiko tinggi yang dikenal pasti;
- ii. mengatur gerak aset laut di sepanjang perairan ESS Zone, khususnya yang berdepan dengan laluan-laluan yang dikenal pasti bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
- iii. mengatur gerakan pasukan khas (*special force*) dan *quick response force* ke lokasi-lokasi strategik untuk tindak cepat di samping memperaga kehadiran;
- iv. mengatur gerak vesel yang dilengkapi dengan sistem pengawasan radar, radar *point defence* dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh, dan pengawasan pesawat udara;
- v. perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan *operational* baik secara intra-agensi dan juga dengan pasukan perisikan Filipina;

- vi. melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;
- vii. melancarkan operasi-operasi khas mengasak sarang-sarang penjenayah / tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa; dan
- viii. memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESS Zone.

Penubuhan ESSCOM pada 1 April 2013 ekoran berlakunya insiden pencerobohan penjenayah sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu adalah bertujuan untuk mengekang dan mencegah berlakunya gelombang kedua pencerobohan *Royal Sulu Force* di pantai timur Sabah. Sejak ESSCOM ditubuhkan tiada lagi insiden pencerobohan berlaku. Namun, kini fungsi ESSCOM telah bertambah kepada usaha membentaras jenayah rentas sempadan seperti penculikan oleh kumpulan *kidnap for ransom* (KFRG). Usaha ini bukan satu yang mudah kerana faktor kawasan perairan yang luas dan aktiviti KFR ini dibantu oleh talibarut yang telah berada lama hidup bersama masyarakat di Sabah. Selain itu, pengusaha bot-bot nelayan dan bot tunda yang menggajikan pendatang tanpa izin seperti kru dan keengganan mereka untuk memasang *Automatic Identification System* (AIS) di bot masing-masing menyukarkan usaha ESSCOM menangani penculikan rentas sempadan.

Sekian, terima kasih.